

**KEBERKESANAN STRATEGI PENGUSAHA  
PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA  
DALAM MENERUSKAN KELANGSUNGAN  
EKONOMI SEPANJANG TEMPOH  
PERLAKSANAAN PERINTAH KAWALAN  
PERGERAKAN DI GERAI SAYUR  
KUNDASANG, SABAH.**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**NUR IZZAN BINTI KASININ**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2022**

## **PENGESAHAN PENYELIA LATIHAN ILMIAH**

KEBERKESANAN STRATEGI PENGUSAHA PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA  
DALAM MENERUSKAN KELANGSUNGAN EKONOMI SEPANJANG TEMPOH  
PERLAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DI GERAI SAYUR KUNDASANG  
RANAU, SABAH.

OLEH

NUR IZZAN BINTI KASININ

BA19110641

TESIS INI DIJALANKAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN PENGIJAZAHAN IJAZAH  
SARJANA MUDA GEOGRAFI



UNIVERSITY  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

DISAHKAN OLEH:

A handwritten signature consisting of stylized initials and a surname.

23.08.2022

---

Dr. Adi Bin Jaffar

---

Tarikh

(Penyelia)

Program Geografi  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
2022

## **PENGAKUAN PELAJAR**

Saya Nur Izzan Binti Kasinin dengan ini mengakui bahawa Tesis Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sains Sosial dengan kepujian Geografi yang bertajuk 'Keberkesanan Strategi Pengusaha Perusahaan Kecil Dan Sederhana Dalam Meneruskan Kelangsungan Ekonomi Sepanjang Tempoh Perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Di Gerai Sayur Kundasang Ranau, Sabah" adalah hasil usaha saya sendiri melainkan sorotan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



---

NUR IZZAN BINTI KASININ

BA19110641

Program Geografi



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **PENGHARGAAN**

Syukur alhamdulillah di atas limpah dan kurniaan-Nya, pengkaji dapat menyiapkan penulisan tesis ini. Tujuan tesis ini adalah bertujuan untuk memenuhi syarat bergraduasi dan melalui penulisan tesis ini juga, pengkaji berharap agar dapat memberi sumbangan kepada penambahan ilmu pengetahuan kepada para pembaca dan para pengkaji di masa akan datang khususnya pelajar program Geografi.

Jutaan terima kasih setinggi-tinggi penghargaan pengkaji ingin tujukan kepada Dr. Adi Bin Jaffar selaku penyelia sepanjang pengkaji menjalankan kajian ini. Bimbingan dan perkongsian ilmu yang diberikan amatlah saya hargai. Ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua pensyarah yang telah mengajar dan mendidik saya sepanjang pengajian ini.

Khusus buat ibu bapa saya iaitu En. Kasinin Basir dan Pn. Siti Fatimah Haji Jirin, terima kasih atas sokongan dan dorongan yang tidak terhingga dalam aspek kewangan dan mental. Selain itu, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak yang telah membantu saya dalam menyiapkan tugas ini. Tidak lupa juga kepada rakan seperjuangan saya yang turut memberi tunjuk ajar dan sentiasa memberi semangat untuk menyiapkan tugas yang diberikan.

Sesungguhnya saya berasa begitu berterima kasih dan bersyukur dipertemukan dengan insan-insan yang ikhlas memberikan bantuan dan menyokong saya secara langsung dan tidak langsung dan menyempurnakan penulisan ilmiah ini.



---

NUR IZZAN BINTI KASININ

BA19110641

Program Geografi

## **ABSTRAK**

Wabak Pandemik COVID-19 telah menyebabkan banyak negara terpaksa melaksanakan sekatan rentas daerah dan kawalan pergerakan. Perusahaan Kecil dan Sederhana adalah antara sektor yang terkesan secara langsung akibat daripada perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti impak yang dihadapi oleh pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana ketika Perintah Kawalan Pergerakan di Gerai Sayur Kundasang Ranau, Sabah. Kajian ini turut menganalisis strategi dan alternatif yang dijalankan oleh pengusaha bagi meneruskan kelangsungan ekonomi, seterusnya menilai keberkesanan strategi tersebut. Pendekatan kuantitatif menggunakan instrumen soal selidik telah digunakan bagi mengutip data. Borang soal selidik diedarkan kepada 30 orang responden yang terdiri daripada pengusaha Gerai Sayur Pekan Kundasang, Sabah. Hasil kajian mendapati perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan telah memberikan impak ketara kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana di Kundasang iaitu berlaku kekurangan pendapatan, kerosakan barang jualan, kekurangan pembeli, waktu beroperasi yang terhad, masalah lambakan hasil pertanian, pengurangan pekerja, rantaian penghantaran terjejas dan tidak boleh berjualan di lokasi biasa. Namun begitu, didapati bahawa pengusaha telah menjalankan beberapa strategi bagi mengatasi impak tersebut iaitu dengan mendapatkan bantuan daripada kerajaan secara *one off*, mengubahsuai produk sayur-sayuran ke dalam bentuk produk yang lain seperti kerepek, serunding, jeruk dan lain-lain, serta mengikuti projek komuniti projek Kundasang Cashless Agro Supply.

## **ABSTRACT**

*The COVID-19 pandemic has caused many countries to implement cross-district restrictions and movement controls. Small and Medium Enterprises are among the sectors directly affected by the implementation of the Movement Control Order. This study aims to identify the impact faced by Small and Medium Enterprises during the Movement Control Order (MCO) in Gerai Sayur Kundasang, Sabah. This study also analyzes the strategies and alternatives carried out by entrepreneurs to continue economic survival, further evaluating the effectiveness of these strategies. A quantitative approach using questionnaire instruments was used to collect data. Questionnaires were distributed to 30 respondents who consisted of vegetable stall operators in Kundasang Town, Sabah. The results of the study found that the implementation of the Movement Control Order had a significant impact on Small and Medium Enterprises in Kundasang such as lack of income, damage to goods for sale, lack of buyers, limited operating hours, dumping of agricultural produce, reduction of workers, delivery chain issue and unable to sell in the usual location. However, it was found that entrepreneurs have carried out several strategies to overcome the impact, namely by getting help from the government on a one-off basis, modifying vegetable products into other forms of products such as chips, serunding, pickles and others, as well as joining the community projects called 'Kundasang Cashless Agro Supply project'.*

## **SENARAI KANDUNGAN**

	<b>Halaman</b>
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGESAHAN</b>	ii
<b>PENGAKUAN PELAJAR</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii - ix
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI RAJAH</b>	xi
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiii

<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>Halaman</b>
1.1	Pengenalan	1 – 3
1.2	Permasalahan Kajian	4
1.3	Persoalan Kajian	5
1.4	Objektif Kajian	5
1.5	Skop Kajian	6 – 7
	1.5.1 Lokasi Kajian	
	1.5.2 Tempoh Masa Kajian	
1.6	Kepentingan Kajian	7
1.7	Kesimpulan	8
<b>BAB 2</b>	<b>TINJAUAN SOROTAN LITERATUR</b>	
2.1	Pendahuluan	9

2.2	Definisi dan Konsep Perusahaan Kecil dan Sederhana	9 – 10
2.3	Definisi dan Konsep Pengusaha	10 – 11
2.4	Definisi dan Konsep Perintah Kawalan Pergerakan	11 – 13
2.5	Impak PKP Kepada Pengusaha PKS	13 – 14
2.6	Strategi Pengusaha Meneruskan Kelangsungan Ekonomi	15 – 16
2.7	Keberkesanan Strategi Pengusaha PKP dalam Meneruskan Kelangsungan Ekonomi	16 – 17
2.8	Kerangka Konseptual	18 – 19
2.9	Kesimpulan	20

### **BAB 3**

#### **METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pendahuluan	21
3.2	Latar Belakang Lokasi Kajian	21 - 24
3.3	Rekabentuk Kajian	25 – 27
3.4	Kaedah Penyelidikan	28
3.5	Instrumen Kajian	28 – 30
	3.5.1 Data Primer	
	3.5.2 Data Sekunder	
3.6	Teknik Analisis dan Persembahan Data	31 – 32
3.7	Kesimpulan	32

### **BAB 4**

4.1	Pendahuluan	33
4.2	Demografi Responden	34 – 36

4.3	Impak yang dihadapi oleh pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana ketika Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan	37 – 39
4.4	Strategi pengusaha Persuahaan Kecil dan Sederhana dalam meneruskan kelangsungan ekonomi	40 – 43
4.5	Keberkesanan strategi pengusaha PKS dalam meneruskan kelangsungan ekonomi ketika perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan	44 – 45
4.6	Kesimpulan	46

## **BAB 5 PERBINCANGAN**

5.1	Pendahuluan	47
5.2	Ringkasan Kajian	47 - 48
5.3	Latar Belakang Demografi Responden	48
5.4	Impak PKP kepada Pengusaha PKS	48 – 50
5.5	Strategi Pengusaha PKS Meneruskan Kelangsungan Ekonomi Semasa Perlaksanaan PKP	50 – 52
5.6	Keberkesanan Strategi Pengusaha PKS	53 – 54
5.7	Kekangan dan Saranan Kajian	54
5.8	Kesimpulan	55
<b>RUJUKAN</b>		56 – 63
<b>LAMPIRAN</b>		64 – 68

## **SENARAI JADUAL**

### **Halaman**

Jadual 3.1:	Kerangka soal selidik	29
Jadual 3.2:	Tahap Nilai Min	32
Jadual 4.1:	Demografi Responden	36
Jadual 4.2:	Impak Perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana	39
Jadual 4.3:	Strategi pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana meneruskan kelangsungan ekonomi	43
Jadual 4.4:	Keberkesanan strategi pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana terhadap kelangsungan ekonomi ketika Perintah Kawalan Pergerakan	45



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI RAJAH**

### **Halaman**

		<b>Halaman</b>
Rajah 2.1:	Kerangka Konseptual Kajian	19
Rajah 3.1:	Peta Daerah Ranau, Sabah	23
Rajah 3.2:	Peta Gerai Sayur Pekan Kundasang, Sabah	24
Rajah 3.3:	Kerangka Reka Bentuk Kajian	27



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI LAMPIRAN**

### **Halaman**

Lampiran A	Borang Soal Selidik	64 – 67
Lampiran B	Keputusan Plagiarisme (Turnitin)	68



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI SINGKATAN**

ASEAN	Association of Southeast Asian Nations
COD	Cash on Delivery
COVID-19	Coronavirus Disease 19
<i>Et. al.</i>	<i>et alia / dan lain-lain</i>
GKP	Geran Khas Prihatin
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
Km	Kilometer
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PKPB	Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat
PKPP	Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan
PKS	Perusahaan Kecil dan Sederhana
SARS-CoV-2	Severe Acute Respiratory Syndrome Coronavirus 2
SME	Small and Medium Enterprise
SOP	Prosedur Operasi Standard
SP	Sisihan Piawai
SPSS	Statistical Package for the Social Science version 21.0

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Perusahaan Kecil dan Sederhana menyumbang sebahagian besar ekonomi dalam negara bagi kedua-dua negara membangun dan negara maju iaitu mewakili lebih daripada 90% daripada perniagaan global seterusnya memberikan sumbangan besar kepada penciptaan peluang pekerjaan dan pembangunan ekonomi secara komprehensif. Di negara-negara Kesatuan Eropah, PKS memberi julat sumbangan kepada guna tenaga kerja sebanyak 63.7% dalam sektor ekonomi di Jerman, sehingga 87.9% di Greece. Manakala negara-negara ASEAN, julat sumbangan PKS kepada guna tenaga kerja adalah lebih luas iaitu di Malaysia adalah sebanyak 48.4% sehingga 96.7% di Indonesia (SME Corporation, 2020).

Perusahaan Kecil dan Sederhana merupakan tulang belakang kepada ekonomi Malaysia kerana telah menjadi penyumbang yang penting kepada Keluaran dalam Negara Kasar (KDNK). Pada tahun 2019, sumbangan Sektor PKS kepada KDNK di Malaysia telah meningkat kepada 38.9 peratus berbanding 38.3 peratus pada tahun sebelumnya (Alzahrin Alias, 2020). Selain daripada aspek ekonomi, PKS di Malaysia dikenalpasti memberikan kepentingan terhadap aspek sosial dengan membuka peluang pekerjaan, mengurangkan pengangguran, serta meningkatkan kemahiran tenaga kerja. Namun begitu, dunia telah digemparkan dengan wabak penyakit pandemik COVID-19 pada permulaan tahun 2020. COVID-19 merupakan penyakit yang disebabkan oleh virus Corona yang digelar sebagai SARS-Cov-2. World Health Organization (WHO) mengesan virus tersebut pertama kali pada penghujung bulan Disember 2019, bermula dengan laporan kumpulan kes radang paru-paru

(Pneumonia) di Wuhan, China. Kemudian dunia disyiharkan sebagai pandemik oleh ketua pengarah WHO, Tedros Adhanon Ghebreyesus pada 11 Mac 2020, kerana virus tersebut merebak secara global dan telah menjangkiti lebih daripada 118,000 orang di 114 negara tersenarai dan meragut nyawa seramai 4,291 orang.

Negara Malaysia juga tidak terkecuali daripada penularan wabak tersebut, iaitu kes pertama COVID-19 di Malaysia dikesan pada 25 Januari 2020 (Laporan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), 2020). Dalam membendung penularan wabak tersebut, kerajaan telah menguatkuasakan PKP yang dikenakan kepada semua lapisan masyarakat (Perutusan Khas Perdana Menteri, 2020). Namun, pelaksanaan perintah tersebut memberi impak yang ketara kepada ekonomi negara. Berdasarkan data daripada pemerhati ekonomi menunjukkan bahawa Pandemik COVID-19 telah membawa kesan negatif kepada pelbagai sektor pekerjaan. Keadaan ini bertambah runcing lagi apabila terdapat banyak individu yang hilang pekerjaan, malah terdapat majikan yang terpaksa memotong atau tidak memberikan gaji kepada pekerja mereka kerana kegiatan ekonomi diarahkan untuk ditutup dan tidak dibenarkan untuk beroperasi semasa PKP (Norazila Mat *et.al.* 2021).

Menurut Berita Harian (2020), individu yang tergolong dalam golongan bekerja sendiri adalah yang paling terjejas akibat pandemik COVID-19, malah 70% daripada mereka tidak memiliki simpanan yang lebih daripada sebulan. Hal ini mengakibatkan ramai yang mengubah punca pendapatan kepada penghantar makanan, pemandu e-hailing dan sebagainya untuk meneruskan kelangsungan ekonomi. Perlaksanaan PKP telah menghalang pergerakan aktiviti ekonomi secara langsung dan hanya membenarkan aktiviti dijalankan secara terhad. Sejak perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa pertama diumumkan pada bulan Mac 2020, ekonomi Malaysia telah mengalami kemerosotan yang mendadak, terutamanya kepada kelangsungan aktiviti PKS sehingga menyebabkan pengusaha terpaksa menanggung masalah kewangan, perhentian sementara operasi, gangguan drastik rantaian bekalan makanan, penurunan pendapatan serta kekurangan guna tenaga (Haizum Ruzanna *et.al.*, 2021). Syed Hussein Al Habshee menyatakan penurunan mendadak 95.3% dalam jualan PKS semasa tempoh PKP (Berita Harian, 2022).

Menurut Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar selaku Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, terdapat lebih daripada 30,000 syarikat PKS yang terpaksa menutup operasi mereka sejak perlaksanaan PKP. Beliau turut mengulas lebih lanjut laporan statistik daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bahawa sejumlah 9,875 PKS telah menutup operasi selepas perlaksanaan PKP pertama, dan sejumlah 22,794 PKS lagi menutup

perniagaan setelah perlaksanaan PKP kedua diumumkan pada 10 Jun sehingga September 2020 (Sinar Harian, 2022). Keadaan ini telah mengakibatkan peningkatan kadar pengangguran yang sangat tinggi daripada sektor PKS.

Walaupun pandemik COVID-19 memberikan kesan negatif kepada ekonomi negara. Namun, ironinya perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan ini telah mewujudkan suatu gelombang baharu dalam aktiviti perniagaan yang digelar sebagai perubahan domino. Pelbagai sektor perusahaan PKS berskala mikro, kecil dan sederhana kini mula beralih kepada perkhidmatan dan pemasaran produk menerusi perniagaan digital (Berita Harian, 2020). Pengusaha PKS turut menyusun strategi berniaga sewaktu perlaksanaan PKP bagi meneruskan kelangsungan ekonomi iaitu dengan menjalankan promosi jualan, melaksanakan pembayaran melalui dalam talian, menggunakan perkhidmatan rider atau runner untuk menghantar produk jualan, dan mempelbagaikan jenis jualan (Fakhrull Halim, 2020).

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) menasarkan sumbangan Perusahaan Kecil dan Sederhana kepada KDNK negara meningkat 50% pada tahun 2030 akan datang, walaupun aktiviti sektor ekonomi negara terencat akibat COVID-19 (Media Baharu, 2020). Oleh yang demikian, kajian ini ingin meneliti strategi pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana dalam meneruskan kelangsungan ekonomi sepanjang tempoh perlaksanaan PKP seterusnya mengkaji keberkesanan strategi tersebut membantu para pengusaha PKS.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Kundasang, Sabah merupakan kawasan pelancongan yang terletak di kawasan pergunungan. Sektor pelancongan mengambil peranan besar dalam merangsang ekonomi negara, dimana secara tidak langsung menggalakkan perkembangan prestasi PKS. Keadaan ini menjadi faktor kepada pembangunan ekonomi dan sumber pendapatan kepada penduduk tempatan. Selain itu, sumber ekonomi utama bagi penduduk di Kundasang, Sabah adalah berasaskan pelancongan, pertanian serta perniagaan. Kundasang, Sabah yang memiliki tanah subur sesuai untuk pertanian menyebabkan Kundasang dibangunkan sebagai pembekal utama sayur-sayuran dan buah-buahan hawa sederhana di negeri Sabah. Oleh kerana faktor tarikan pelancongan ke Kundasang, peniaga perusahaan Kecil dan Sederhana tidak melepaskan peluang untuk menjual hasil penanaman kepada pelancong dan penduduk sekitar.

Penjualan hasil pertanian asas merupakan salah satu sektor yang tergolong dalam perusahaan Kecil dan Sederhana. Pertanian asas antaranya adalah penanaman tanaman kontan, penanaman tanaman kekal, dan pertanian campuran (SME Corp. Malaysia, 2022). Keusahawanan dalam sektor pertanian melalui PKS ini tidak lagi dihuni oleh petani tradisional sahaja, tetapi juga dijalankan oleh usahawan, golongan professional, dan ahli korporat yang memiliki kemahiran dalam perniagaan. Sektor pertanian dulunya dicirikan sebagai petani miskin. Kini sektor tersebut bangkit dengan kemunculan usahawan-tani yang berdaya saing. Usahawan tani ini mampu menghasilkan keuntungan yang lumayan jika diuruskan dengan cekap dari segi pemasaran, pengurusan kewangan, pembangunan sumber manusia, teknologi, rantaian nilai dan logistik (Shamshubaridah & Madeline, 2009).

Namun, pengishtiharan PKP yang bermula pada 18 Mac 2020 telah memberikan cabaran besar kepada pengusaha gerai di Kundasang. Daripada perintah ini, semua rakyat telah diwajibkan berada di rumah 24 jam tanpa menjalankan sebarang aktiviti ekonomi kecuali dengan kebenaran oleh pihak yang bertanggungjawab. Selain itu hanya seorang ahli keluarga sahaja yang dibenarkan keluar untuk membeli barang keperluan (Tang, 2020). Menurut kajian oleh Ramzah Dambul (2008), didapati bahawa lebih daripada 50% perniagaan di Kundasang menerima purata pelanggan harian kurang daripada 25 orang pada hari biasa. Perlaksanaan Perintah Kawalan Pergeraka ini memberikan kesan yang amat berat kepada pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana terutamanya yang terlibat dengan penjualan sayur-sayuran dan buah-buahan. Oleh itu, melalui kajian ini pengkaji ingin mengenalpasti strategi dan adaptasi pengusaha PKS terhadap kesan bencana sosial ini seterusnya meneliti keberkesanan strategi tersebut bagi meneruskan kelangsungan ekonomi perniagaan.

### **1.3 Persoalan Kajian**

1. Apakah impak yang dihadapi oleh pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana ketika Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan?
2. Apakah strategi dan alternatif yang dijalankan oleh pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana bagi meneruskan kelangsungan ekonomi?
3. Bagaimanakah keberkesanan strategi pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana terhadap kelangsungan ekonomi ketika Perintah Kawalan Pergerakan?

### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk mencapai beberapa objektif:

1. Mengenalpasti impak yang dihadapi oleh pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana ketika Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan.
2. Meneliti strategi dan alternatif yang dijalankan oleh pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana bagi meneruskan kelangsungan ekonomi.
3. Menilai keberkesanan strategi pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana terhadap kelangsungan ekonomi ketika Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan.

## **1.5 Skop Kajian**

Beberapa skop kajian telah ditetapkan dalam menjalankan penyelidikan ini bagi memastikan objektif kajian tercapai. Skop kajian ini memfokuskan kepada dua perkara iaitu lokasi kajian dan tempoh masa kajian.

### **1.5.1 Lokasi Kajian**

Pengkaji memilih Gerai Sayur Pekan Kundasang, Sabah sebagai lokasi kajian. Melalui kajian ini, pengkaji memfokuskan kepada kajian berkaitan impak yang dihadapi oleh penjual gerai sayur di Pekan Kundasang dalam meneruskan kelangsungan ekonomi semasa tempoh perlaksanaan Kawalan Pergerakan. Kundasang adalah destinasi yang paling banyak dikunjungi di Sabah oleh pelancong tempatan dan antarabangsa kerana lokasinya yang berdekatan dengan Gunung Kinabalu yang merupakan gunung tertinggi di Asia Tenggara. Kebanyakkan hasil sayur-sayuran secara borong dari Sandakan dan Kota Kinabalu dihantar terus ke Kundasang. Keadaan ini menyebabkan Kundasang dianggap sebagai hab serantau untuk pengedaran hasil pertanian segar kerana lokasinya yang strategik dan memiliki kebolehcapaian (Nurul Nadia *et.al.* 2019).

Kundasang terletak di kawasan tanah tinggi menyebabkan ia menjadi kawasan yang sesuai untuk pertumbuhan tanaman sederhana sepanjang tahun. Kebanyakkan penduduk kampung di Kundasang bekerja sebagai petani atau penjual sayur-sayuran di gerai-gerai kecil di Pekan Kundasang. Gerai sayur menempatkan 235 pengusaha PKS yang beroperasi dengan menjual sayur-sayuran dan buah-buahan (Nurul Nadia *et.al.* 2019). Di Sabah, petani di Kundasang merupakan pengeluar utama sayur-sayuran tanah tinggi, iaitu terdapat sekitar 1,000 petani mengusaha ladang sayur-sayuran kecil dan besar antara satu hingga empat ratus ekar. Jumlah pengeluaran sayuran di Kundasang dianggarkan sebanyak 100 tan (Othman,2020). Oleh kerana penduduk di Kundasang aktif menjalankan aktiviti PKS dalam perniagaan sayur-sayuran dan buah-buahan, maka penyelidik memilih untuk melihat sama ada pengusaha gerai sayur di Pekan Kundasang, Sabah mendapat kesan daripada perlaksanaan PKP dan adakah pengusaha PKS tersebut menjalankan strategi untuk meneruskan kelangsungan sewaktu PKP.

### **1.5.2 Tempoh Masa Kajian**

Dalam kajian ini, Penyelidik telah memfokuskan kepada PKP fasa pertama (18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020), dan PKP fasa kedua (1 April 2020 hingga 14 April 2020). Hal ini kerana perlaksanaan PKP fasa pertama merupakan tempoh yang sangat genting dimana operasi PKS telah dihentikan buat sementara waktu seterusnya pada PKP fasa kedua operasi PKS hanya dibenarkan untuk beroperasi pada tempoh masa yang terhad. Oleh itu penyelidik ingin mengkaji impak yang diperoleh oleh pengusaha PKS dan strategi yang dilaksanakan oleh pengusaha bagi meneruskan kelangsungan ekonomi mereka semasa fasa PKP pertama dan fasa PKP kedua tersebut. Pemungutan data kuantitatif telah dijalankan pada 31 May 2022 dan 1 July 2022. Pungutan data ini telah dilakukan di Gerai Sayur Pekan Kundasang dengan edaran borang soal selidik sebanyak 30 secara keseluruhannya.

### **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti impak daripada perlaksanaan PKP yang diterima oleh pengusaha PKS di Gerai Sayur Kundasang Sabah seterusnya meneliti strategi yang dilaksanakan oleh pengusaha untuk meneruskan kelangsungan ekonomi sepanjang tempoh PKP. Kajian ini penting buat penyelidik untuk mendapatkan maklumat daripada responden yang terdiri daripada pengusaha PKS di Gerak Sayur Pekan Kundasang Sabah. Pada masa yang sama penyelidik dapat menimba pengalaman dan pengajaran daripada turun ke lapangan bagi menjalankan aktiviti pengutipan data dan berkomunikasi dengan responden secara bersemuka. Di samping itu, kemahiran yang diperoleh sepanjang menyiapkan tugas ini dapat dijadikan sebagai tingkat kemajuan penyelidik untuk menjadi lebih berpengetahuan dan berkemahiran dalam melaksanakan kajian ilmiah. Selain itu, kajian ini memberikan kepentingan bukan sahaja kepada penyelidik tetapi juga kepada pihak akademik, pihak pembangun dan pihak pemegang taruh.

Melalui pembacaan dan pemahaman terhadap kajian ini, pihak akademik dapat menambahkan pengetahuan dan menjadikan kajian ini sebagai rujukan bagi kajian yang akan dijalankan pada masa hadapan terutama kajian yang mempunyai skop dan objektif yang hampir sama. Selain itu, pihak akademik seperti penyelidik dan pelajar terutamanya yang mengambil program geografi kemanusiaan dapat menambah ilmu pengetahuan dan

menggunakan kajian ini sebagai bahan bacaan tambahan. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian ini dihasilkan daripada bukti daripada rujukan yang sahih dan boleh diguna pakai dalam penulisan ilmiah pelajar khususnya skop berkaitan kajian terhadap Perusahaan Kecil dan Sederhana dan Perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.

## **1.7 Kesimpulan**

Secara tuntasnya, kesan daripada Pandemik COVID-19 telah mendesak kerajaan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan yang bertujuan untuk membendung penularan virus COVID-19, seterusnya memastikan keselamatan masyarakat. Namun begitu, perlaksanaan PKP tersebut telah memberikan kesan yang ketara kepada semua lapisan masyarakat khususnya kepada pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana yang menjalankan perniagaan produk mudah rosak seperti sayur-sayuran dan buah-buahan. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti impak yang dihadapi oleh pengusaha PKS ketika Perintah Kawalan Pergerakan. Kemudian meneliti strategi yang dijalankan oleh pengusaha PKS di Gerai Sayur Kundasang bagi meneruskan kelangsungan ekonomi seterusnya menilai keberkesanan strategi tersebut. Bab yang seterusnya akan membincangkan tentang sorotan kajian.

## **BAB 2**

### **SOROTAN KAJIAN**

#### **2.1 Pendahuluan**

Bab 2 ini akan menerangkan segala definisi konsep yang digunakan dalam kajian ini berkaitan Perusahaan Kecil dan Sederhana, Pengusaha dengan Perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan. Melalui bab ini, sorotan kajian lampau berkaitan impak perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan serta strategi dan inisiatif pengusaha PKS dalam meneruskan kelangsungan ekonomi di Malaysia. Sorotan kajian ini adalah penting agar pengkaji dapat mengembangkan idea kajian seterusnya menyokong hujah dapatan kajian. Sorotan literatur daripada kajian lepas dilaksanakan untuk dijadikan sebagai panduan kepada kajian yang dijalankan. Berdasarkan sorotan literatur, penyelidik mampu untuk mengukuhkan hujah dapatan kajian dengan merujuk kepada kajian lepas yang hampir sama dengan objektif kajian mengenai keberkesanan strategi pengusaha PKS untuk meneruskan kelangsungan ekonomi. Bahagian sorotan terdiri daripada tiga bahagian berdasarkan objektif yang dinyatakan dalam bab 1.

#### **2.2 Definisi dan Konsep Perusahaan Kecil dan Sederhana**

Noor Hazlina dan Pi-Shen (2010) mendefinisikan PKS sebagai pengurusan perniagaan dimana perniagaan tersebut mempunyai kurang daripada 50 pekerja untuk sektor perkhidmatan dan kurang daripada 150 pekerja bagi sektor pembuatan. Perniagaan yang dijalankan mestilah merupakan sebuah firma persendirian, dan bukannya sebahagian daripada organisasi yang

lebih besar ataupun francais. Menurut Suhaila et al. (2014), PKS merupakan sebuah perniagaan yang dijalankan dimana nilai jualan tahunan adalah kurang daripada RM15 juta dan mempunyai pekerja sepenuh masa kurang daripada 75 orang. PKS terbahagi kepada dua sektor utama iaitu sektor pembuatan, sektor perkhidmatan dan sektor lain.

Berdasarkan SME Corp Malaysia (2020), sektor pembuatan didefinisikan sebagai transformasi bahan secara kimia atau fizikal yang akan menghasilkan produk baharu. Sementara itu, sektor perkhidmatan merujuk kepada semua jenis perkhidmatan termasuk perniagaan, hotel dan restoran, professional dan perkhidmatan ICT, perdagangan, edaran, hiburan, kesihatan, pendidikan swasta, perantaraan kewangan, perkhidmatan berkaitan pembuatan serta penyelidikan dan pembangunan (R&D), pergudangan, logistik, kejuruteraan dan lain-lain. Manakala sektor lain merujuk kepada pembinaan, pertanian asas, serta pengkuarian dan perlombongan.

### **2.3 Definisi dan Konsep Pengusaha**

Pengusaha juga membawa maksud yang sama dengan usahawan. Terdapat beberapa definisi yang diberikan oleh beberapa para sarjana seperti Hisrich *et.al.* (2010), menyatakan usahawan adalah seseorang yang mempunyai inisiatif untuk menggembungkan sumber secara inovatif dan berani mengambil risiko untuk bertindak dalam keadaan ketidakpastian. Demikian, seorang usahawan perlulah bijak dalam mengatur strategi perniagaan dengan menggabungkan input-input yang sedia ada, membuat pengubahsuaian dan kreatif dalam menjayakan sesbuah perniagaan bagi tujuan mencapai keuntungan (Syed Zemberi Ahmad, 2009). Keusahawanan adalah suatu proses untuk mewujudkan organisasi perniagaan. Oleh itu, ia memerlukan disiplin yang tinggi, dinamik dan sentiasa bersedia untuk mencipta sesuatu yang baru dengan mengambil kira usaha, masa, kewangan, risiko, sosial dan psikologi (Hisrich *et.al.*, 2010).

Menurut Suzyanty *et al.* (2008), usahawan didefinisikan sebagai individu yang berusaha untuk melakukan sesuatu yang baru atau kreatif, mengatur dan mewujudkan pasaran serta sanggup untuk menghadapi risiko, merancang dan menghasilkan sesuatu yang lebih baik atau inovatif. Abdul Aziz *et al.* (2011) pula menyatakan usahawan sebagai seseorang yang bijak mencari peluang perniagaan, mempunyai kebolehan, kecenderungan, dan

kemampuan untuk menjalankan pembaharuan, serta dapat menjalankan perniagaan yang boleh memberi keuntungan kepada diri sendiri dan masyarakat. Azlizan Talib *et al.* (2012) menyatakan usahawan sebagai aktiviti yang unik dan menarik untuk dipilih oleh suatu pihak sebagai kerjaya bagi mengaut keuntungan dengan menitikberatkan aspek asas seperti pemikiran, pengalaman, keupayaan, keperibadian, pengetahuan, kelakuan, modal, dan lain-lain. Manakala Farhana (2013), menjelaskan usahawan sebagai seseorang yang berani mengambil risiko untuk memulakan sebuah perniagaan atau perusahaan. Ringkasnya, usahawan boleh ditakrifkan sebagai peneroka kepada suatu perniagaan dan bijak mencari peluang dan pembaharuan serta memiliki keupayaan untuk menyelesaikan sesuatu masalah.

## 2.4 Definisi dan Konsep Perintah Kawalan Pergerakan

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) merupakan suatu langkah pencegahan yang dijalankan oleh kerajaan Malaysia bagi membendung penularan wanak COVID-19. PKP diumumkan oleh Bekas Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin bin Haji Muhammad Yassin pada 16 Mac 2020 (Norhana Ahad *et.al*, 2020). Perintah Kawalan Pergerakan atau *Movement Control Order* disandarkan dalam Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967. Perintah tersebut dikuatkuasakan bermula pada 18 sehingga 30 Mac 2020 yang dikuatkuasa di seluruh Malaysia (Irwan bin Mohd Subri, 2020). PKP telah dikawalselia oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), yang merupakan sebuah agensi peneraju yang terlibat dalam menyelaras dasar berkaitan keselamatan sejak tahun 1971. Perintah Kawalan Pergerakan menjadi tanggungjawab MKN selaras dengan Akta Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1979 yang telah dimaktubkan dalam perundangan negara Malaysia. Menurut Majlis Keselamatan Negara (MKN) (2020), Perintah Kawalan Pergerakan mengandungi enam perintah utama iaitu:

- i. Larangan menyeluruh perhimpunan dan pergerakan ramai termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya;
- ii. Sekatan menyeluruh semua perjalanan rakyat Malaysia ke luar negara;
- iii. Sekatan kemasukan semua pelancong dan pelawat asing ke dalam negara;
- iv. Penutupan semua taska, sekolah kerajaan dan swasta dan lain-lain institusi pendidikan rendah, menengah dan pra universiti;